

Kemangkatan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal Haji Md. Salleh

BANDAR BRUNEI. — Suasana seluroh Negeri Brunei sejak hari Sabtu hingga hari ini maseh lagi di-liputi mendong kesedehan berikutan dengan kemangkatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal Haji Mohammad Salleh ibni Al-Marhum Pengiran Anak Haji Mohammad, Wazir Kedua Negeri Brunei.

Kemangkatan Yang Teramat Mulia itu yang telah di-hebahkan melalui Radio Brunei pada tengah hari Sabtu, 22 Februari, 1969 telah memeranjatkan seluroh raayat.

Raayat mengenali Al-Marhum Yang Teramat Mulia itu sa-bagai sa-orang pejuang ugama yang ulong di-negeri ini yang hampir2 sepanjang hayat-nya menumpukan perjuangan ka-arrah perkembangan Ugama Islam di-sertai dengan sifat2-nya yang mesera dan penoh dengan kebajikan kapada seluroh raayat dengan tidak mengenal miskin kaya hina mulia.

Ini-lah faktor yang penting yang ada pada Al-Marhum itu yang menyebabkan seluroh raayat, khas-nya yang berugama Islam menyimpn rasa yang penoh kaseh sayang terhadap Yang Teramat Mulia itu dan kemangkatan-nya dianggap sa-bagai satu kerugian terhadap perkembangan Ugama, bangsa dan negara.

Al-Marhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal berusia 79 tahun.

Al-Marhum menerima anugerah gelaran sa-bagai Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar sa-belum menjadi sa-orang Wazir dengan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal sejak 9hb. Mei, 1968.

Al-Marhum pernah memegang jawatan sa-bagai Kadhi Besar dan hingga kemangkatan-nya Yang Teramat Mulia itu ada-lah Penasehat Ugama dan Ahli Majlis Mashuarat Di-Raja.

Al-Marhum pernah menjadi sa-orang Ahli dalam Majlis Mashuarat Negeri.

Istiadat memakamkan jenazah Al-Marhum itu telah sempurna dilaksanakan pada tengah-hari Ahad, 23 Februari, 1969 di-Makam Di-Raja dengan penoh istiadat kebesaran negara atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sa-bagai penghargaan khidmat Al-Marhum itu kapada Raja dan negara.

Sa-bagai penghormatan, Duli Yang Maha Mulia juga telah menitahkan keadaan berkabong selama sa-minggu dan bendera2 di-seluroh negeri di-kibarkan sa-paroh tiang.

Pada hari Isnin, 24 Februari, 1969 telah di-istiharkan sa-bagai hari kelepasan awam.

Pada malam hari Sabtu, semua panggong2 wayang di-Bandar Brunei telah di-tutup oleh tuan2 punya panggong itu sa-bagai menghormati kemangkatan Al-Marhum itu dan di-buka sa-mula pada malam hari Ahad.

Radio Brunei, terutama bahagian Melayu telah tidak menyiarkan ranchangan2 saperti biasa sejak malam hari Sabtu itu hingga malam hari Isnin, kechuali siaran warta-berita, pengumuman2, ba-chaan2 kitab suci Al-Koran dan lagu2 Mesir.

Ranchangan2 biasa telah di-siarkan sa-mula pada hari Selasa.

Perarakan jenazah Al-Marhum menuju ka-Makam Di-Raja dari rumah kediaman-nya di-batu 5, Jalan Tutong berangkat pada pukul 11.00 pagi dengan di-dahului oleh pegawai2 yang membawa alat2 dan perhiasan kebesaran Di-Raja.

Turut mengiringkan perarakan jenazah itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pmk. Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Penulong2 Menteri, Menteri2 dan Pehin2 serta pegawai2 kanan dan rendah Kerajaan serta kerabat2 Al-Marhum dan orang ramai.

Perarakan berkereta itu telah berhenti sa-bentar dekat bangunan Jabatan2 Kerajaan kerana menyusun perarakan yang terakhir menu-

ju ka-tambatan Kastam Di-Raja dengan berjalan kaki.

Jenazah Al-Marhum di-arak dalam satu usongan yang berwarna hijau yang di-dahului oleh alat2 kebesaran dan perhiasan Di-Raja dengan di-iringkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Penulong2 Menteri, Menteri2, Pehin2, pegawai2 kanan dan rendah Kerajaan dan kerabat2 Al-Marhum dan orang ramai.

Ketika perarakan jenazah itu melalui pintu masuk ka-Tambatan Kastam Di-Raja sa-pasokan Pulis Di-Raja yang berbaris di-kiri dan kanan pintu besar itu telah memberikan hormat Di-Raja yang terakhir.

Dari Tambatan Kastam Di-Raja jenazah Al-Marhum itu telah dibawa menuju ka-Makam Di-Raja dalam sa-buah "gegandung" ia-itu kenaikan yang lengkap dengan perhiasan dan alat2 kebesaran Di-Raja.

Gegandung itu di-hiasi dengan tunggul2 yang berwarna hijau di-depan dan di-belakang; hula2 dan sumbulayang, payong haram yang tidak di-kembang, ubur2 tiga ring-

kat, payong gadong (hijau) yang di-kembang, alam bernaga, pisang2 kiri dan kanan, dan di-empat penjuru gegandung di-pasang empat "sapu2 aying".

Perhiasan damit terdiri dari ubur2 kuning, ambal tunggul damit, dadap yang semuanya di-pasang serba empat dengan warna2 kuning, puteh, gadong (hijau), hitam dan merah.

Di-keliling gegandung itu di-pasang "Rawai2" berwarna merah.

Di-sepanjang perarakan jenazah di-laut itu telah di-alunkan gegandung yang menyayukan dari paluan gong, chanang, gendang labek dan serunai. Dari paduan bunyi2an gegandung itu tercipta-lah "Gendang Arak2an Aleh2an Ujong" yang menandakan penghormatan yang terakhir atas kemangkatan sa-orang wazir negara.

Perarakan di-laut itu telah di-iringkan oleh beberapa buah kapal Kerajaan dan mutu2 sangkut.

Istiadat memakamkan jenazah Al-Marhum itu telah di-ketuai oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pembacaan talqin dan do'a telah di-laksanakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.



Al-Marhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal Haji Mohammad Salleh.

WAWANCHARA DENGAN SETIA USAHA JABATAN HAL EHWAL UGAMA MENGENAI PEMINDAHAN KUBOR TERUNJING



Haji Awang Abdullah, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwai Ugama.

PEMINDAHAN kubor orang2 Islam di-Kampong Terunjing, Berakas telah di-lakukan pada 16 Januari, 1969 yang lalu ka-satu kawasan di-Kampong Lambak, Berakas.

Pemindahan itu di-lakukan ia-lah di-sebabkan kawasan perkuboran itu ada-lah termasuk dalam ranchangan pembenaan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang kerja2-nya sedang berjalan sekarang.

Di-perkuboran Terunjing itu ada-lah mengandungi 250 buah kubor orang2 Islam yang di-katakan salah sa-buah kawasan perkuboran yang tertua di-negeri ini.

Upachara pemindahan kubor2 itu telah di-dahului dengan bacaan Do'a Aruah dan di-ikuti dengan bacaan Do'a Selamat. Ini ada-lah sa-bagai penghormatan ka-atas pemindahan perkuboran itu.

Turut hadir dalam upachara itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwai Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin.

Berikut ia-lah wawanchara wakil kita dengan Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwai Ugama, Haji Awang Abdullah bin Melassan mengenai dengan pemindahan perkuboran itu dan fatwa yang di-berikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

SOALAN:

Sa-tahu saya, berkenaan dengan penggalan kubor ini berhabit dengan Jabatan Hal Ehwai Ugama. Adakah dari Jabatan ini sendiri yang meranchangkan, atau bagai mana?

JAWAPAN:

Yang sa-benar-nya, projek ini ada-lah di-bawah ranchangan Jabatan Kemajuan Negara, tetapi oleh kerana ada sa-bahagian perkara yang bersangkutan dengan Jabatan ini ia-itu berhubung dengan terlibat-nya tempat perkuboran orang2 Islam, maka dengan sendiri-nya-lah Jabatan ini memberikan kerjasama bagi menyelenggarakan perkara ini.

SOALAN:

Bagaimana pula peruntokan kerana kerja2 menggali dan mengalihkan kubor itu. Adakah di-biaya oleh Jabatan Ugama atau Kemajuan Negara?

JAWAPAN:

Menyentuh berhubung dengan perbelanjaan atau peruntokan kerana ini ada-lah di-biaya oleh Jabatan Kemajuan Negara, tetapi kerja2 bagi menyelenggarakan-nya ada-lah di-kekelolakan oleh Jabatan Ugama.

SOALAN:

Ka-tempat manakah kubor2 itu akan di-pindah?

JAWAPAN:

Jabatan ini telah pun menyediakan tapak tanah perkuboran sa-luas kira2 10 ekar bertempat di-Kampong Lambak, Berakas, ia-itu kira2 3 batu dari tanah perkuboran yang lama. Tanah yang di-untukkan ini telah pun di-persetujui oleh Pesuruhjaya Tanah dan mendapat kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya bagi meratakan-nya dan juga Jabatan Ukur.

SOALAN:

Adakah penggalan ini di-

persetujui oleh orang2 Kampong di-tempat ini?

JAWAPAN:

Sa-belum usaha2 selanjutnya di-ambil ka-arrah ini kita telah pun mengadakan beberapa perundingan dengan pehak2 yang berkenaan khas-nya kapada orang2 Kampong yang terlibat dalam perkara ini, dan kesimpulan-nya telah pun mendapat persetujuan dari orang2 Kampong tersebut.

SOALAN:

Boleh-kah tuan menerangkan, tidak-kah bertentangan atau pun menyelahi dengan hukum2 Ugama Islam tentang penggalan kubor ini?

JAWAPAN:

Oleh kerana memikirkan kubor2 yang ada di-kawasan ini di-takuti tidak terkawal, di-cheroboh kehormatan dan terhina pada masa2 akan datang, maka mengikut fatwa atau pandangan Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, kubor2 ini mengikut shara' bolehlah di-pindahkan sa-bagaimana sahabat2 memindah kubor2 orang mati Shahid di-Madinah apabila kubor itu kena basah dari ayer yang mengalir yang di-jalankan oleh Khalifah Ma'uiyah daripada satu mata ayer dan kehormatan kubor itu tidak terjamin.

Juga menurut riwayat Imam Bukhari sa-orang perempuan bernama Aishah telah memindahkan kubor bapa-nya Talhah bin Abdullah sa-orang sahabat Rasulullah s.a.w, ia-itu sa-orang daripada 10 sahabat yang telah di-beri tahu oleh Rasulullah dia sa-orang daripada Ahli Shorga, maka anak-nya Aishah telah memindah kubor ayah-nya yang telah

mati di-Bashrah itu ka-lain tempat kerana kubor yang asal itu telah lembab kena basah, dan juga sahabat Jabir bin Abdullah telah memindah mayat bapa-nya Abdullah daripada kubor-nya ka-satu tempat perkuboran yang lain.

Di-samping pindaan ini di-lakukan dalam artikata yang lain, ia-itu menurut hukum2 shara', di-adakan juga bacaan Do'a Selamat dan Tahlil oleh beberapa orang pegawai Jabatan ini dan pegawai2 dari Jabatan2 yang berkenaan beserta dengan penduduk2 kampong itu serta mengikut Adat Istiadat orang2 kita Melayu.

Oleh kerana memikirkan tanah2 perkuboran itu terlibat dalam ranchangan untuk Landasan Lapangan Terbang baru, keselamatan, kehormatan dan pemeliharaan-nya tidak terjamin di-sebabkan keseluruhan anak2 kampong di-situ akan

berpindah ka-tempat lain, dan beberapa perkara yang tertentu. Oleh kerana memikirkan aspek2 ini, dengan persetujuan orang2 kampong, maka Jabatan Ugama tidak-lah ada halangan bagi memindahkan kubor ini ka-tempat lain berdasarkan kapada pandangan Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja supaya kehormatan dan keselamatan perkuboran ini akan lebeh selamat.

Perkara memindahkan kubor hanya di-bolehdan dalam perkara2 yang tertentu saja, yang di-fikirkan dharurat. Dengan ini fatwa Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja yang pernah di-siarkan dalam Warta Kerajaan pada masa yang lalu tidak-lah bertentangan dengan pemindahan kubor yang di-lakukan ka-atas perkuboran yang terlibat dalam ranchangan Lapangan Terbang Baru di-Berakas itu.

PENDAFTARAN MASOK SEKOLAH DI-TERIMA MULAI 1 MACH

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran anak2 untuk masuk ka-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri bagi tahun 1970 akan di-terima mulai 1 Mach ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pendaftaran tersebut ia-lah bagi kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1 Julai, 1964.

Juruchakap itu berkata, ibu bapa atau penjaga kanak2 yang hendak menghantar anak2 mereka ka-sekolah tahun hadapan hendaklah mendaftarkan nama anak2 mereka kapada guru2 besar di-seko-

lah2 yang berhampiran dengan rumah mereka.

Pendaftar tersebut akan ditutup pada 31 Mei ini.

Kanak2 yang telah di-daftarkan sa-hingga 31 Mei itu nanti akan di-masokkan ka-sekolah2 sa-minggu sa-lepas sekolah di-buka dalam penggal pertama tahun hadapan.

Pada tahun ini, lebeh dari 2,400 orang kanak2 telah di-masokkan ka-sekolah Melayu rendah di-seluruh negeri.

Ini membawakan jumlah kanak2 yang belajar di-sekolah2 rendah di-negeri ini kapada 17,000 orang.

KHUTBAH JUMA'AT

PERKARA ORANG2 LUAR MENULIS TENTANG BOTOL2 BEER YANG KOSONG SA-BAGAI EXPORT KEDUA YG. PALING BESAR

Ini satu sendiran ka-pada Brunei yang menjadikan Islam sa-bagai Ugama Rasmi yang menegah pengikut2-nya meminum minuman keras.

Umat Islam hendaklah menghindarkan diri dari perbuatan2 yang ditegah demi meng-harumkan Ugama dan negara dan hidup sentiasa dalam keredhaan Allah.

Dengan itu penulis2 luar yang menulis tentang Brunei tidak berpeloang memperkatakan sa-suatu yang bertentangan dengan U-gama Rasmi Negara.



BARU2 ini, sa-buah buku yang di-terbitkan di-Hong Kong dalam bahasa Ingeris yang bernama Panduan Ke-emasan Kapada Selatan dan Asia Timor (Golden Guide to South and East Asia) muka surat 43 ada menyebutkan berhubung dengan Brunei mengenai makanan dan minuman.

Buku itu menulis yang terjemahan-nya sa-kira2 demikian:

"Di-Brunei tidak ada kelab2 malam, tetapi sa-lain dari Brunei Hotel ada beberapa buah restoran di-Bandar Brunei yang menyediakan makanan China, Melayu dan India, dan kebanyakan-nya restoran ini di-beri lesen untuk menjual minuman keras (arak).

Di-sebelah atas bar itu tergantung satu notis berbunyi "Pengurus dan kaki-tangan membekalkan minuman keras (arak) untuk dijual kepada pembeli2.....hendak-lah mengang-gap diri pembeli2 itu sa-bagai orang yang beragama Islam, yang menegah pengikut2-nya meminum sa-barang jenis minuman yang memabokkan. Walau macham mana pun jang-an-lah di-kechewakan oleh notis ini, kerana ada kala di-katakan pengeluaran yang ke-dua yang paling besar (selain daripada minyak) di- Brunei ia-lah botol2 beer kosong yang di-kembalikan ka-Singapura". Demikian antara lain yang ter-dapat di-dalam buku tersebut.

Tulisan buku tersebut, kalau kita perhatikan dengan sung-goh2 dan dengan kepala yang dingin, akan kita dapati bahawa satu sindirian yang hebat telah di-tujukan kepada negara Brunei Darus-salam, kerana Negeri Brunei ia-lah sa-buah negara yang menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi, akan tetapi penduduk-nya banyak yang melakukan perbuatan yang di-tegah ugama rasmi negara itu, khas-nya dalam bentuk mengamalkan dan meminum arak, boki-nya ia-lah banyak-nya botol2 beer yang telah di-kirim keluar negeri dan pengiriman botol2 arak yang ko-

song itu merupakan hasil penge-luaran yang kedua besar-nya dari Negeri Brunei.

Di-sini patut-lah di-ambil perhatian bahawa kita hendak-lah menjaga kehormatan ugama kita, apalagi ugama kita itu telah di-jadikan ugama rasmi negara. Salah satu daripada chara2 menjaga-nya ia-lah menjauhkan diri daripada membuat perkara yang mungkar itu dan sa-kira-nya kita telah terlanjur membuat-nya, maka hendak-lah di-berhentikan.

Kita tidak-lah boleh melarang orang2, khas-nya orang2 luar untuk menulis berdasarkan apa yang di-lihat-nya di-negeri ini, kerana mereka itu mempunyai kebebasan dan kita tidak dapat mematah2kan pena-nya, supaya ia tidak menulis atau pun mencharek2 kertas-nya, supaya tulisan itu hilang, apa yang penting bagi kita supaya mereka jangan menulis perkara2 yang keji terhadap negara kita ini ia-lah kita hendak-lah menjauhkan diri atau memberhentikan perbuatan2 yang keji itu. Dengan demikian tentu-nya mereka ti-dak akan menulis perkara2 yang tidak di-lakukan dan negara itu akan harum dengan keagongan-nya menjunjung tinggi ugama rasmi negara.

Perkara minum arak ini walau pun nampak-nya merupakan bagi sa-tengah2 orang sa-bagai sa-suatu kesukaan atau keriang-an, tetapi sa-sudah minuman itu di-tegok ia boleh memabokkan dan menghilangkan akal si-peminum-nya. Apabila akal sudah hilang maka dapat-lah di-banyakan perbuatan2 yang keji dan yang di-tegah oleh ugama boleh berlaku. di-samping itu dari segi kesihatan pada lazim-nya, orang yang selalu mengamalkan minuman arak akan menghidap penyakit jantung dan merosakkan kesihatan.

Baru2 ini ada tersiar dalam surat khabar bahawa banyak orang yang telah di-tangkap kerana di-dapati bermain judi, sa-benar-nya minum arak dan

main judi merupakan satu perkara yang adek beradek atau pun apa yang di-katakan 'pupu sekali'.

Sa-bagai yang kita ketahui bahawa permainan judi ada-lah di-larang oleh Tohan. Kalau di-pandang sa-pintas lalu, jadi merupakan satu pekerjaan yang boleh mendatangkan keuntongan sa-chepat2-nya bagi orang yang menang dan boleh menjadikan sa-orang itu kaya dengan sa-kelip mata sahaja, tetapi sa-orang yang bermain judi itu bukan-lah sentiasa menang, bahkan ada pula yang mengalami kekalahan. Bagi mereka2 yang kalah itu akan menderita kerana wang mereka telah di-ambil oleh yang menang, jadi-nya judi bukan-lah satu perkara yang boleh mendatangkan munafaat, apatah lagi judi itu bukan perkara yang halal di-sisi ugama Islam dan tidak-lah pula dapat di-nafikan bahawa ada orang2 yang suka bermain judi itu akan mengalami kepapaan dan kemiskinan, kerana harta2 yang mereka dapat dalam perjudian itu akan hilang dengan sa-kelip mata saja.

Allah Subahanu-wataala berfirman dalam surat Al-Maedah ayat 90 hingga 91 yang ber-

maksud saperti berikut:

"Wahai orang2 yang beriman bahawa sa-sunggo-nya arak, main judi, berhala dan mengundi nasib dengan anak panah ia-lah perbuatan yang kotor, termasuk daripada pekerjaan shaitan, oleh itu hendak-lah kamu jauhi dia, semoga kamu mendapat keuntongan, sa-sunggo-nya shaitan benar2 hendak menjatuhkan kamu ka-dalam permusohan dan kebencian di-antara sa-sama kamu di-sebabkan oleh arak dan main judi dan dia hendak menghalangi kamu daripada mengingati Tohan dan mengerjakan sembahyang, maka hendak-lah kamu berhenti menjejak perbuatan2 itu."

Oleh yang demikian wahai kaum muslimin, hendak-lah kita menginsafi akan keadaan kita, menjaga nama baik diri kita serta menjaga nama baik negara kita Brunei Darus-salam. Mari-lah kita membentok diri kita untuk menjadi orang yang benar2 Islam dan ta'at kepada titah perentah Allah dan menjauhi segala larangan-nya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Februari, 1969 hingga ka-hari Selasa 4 Mach, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari	
Bulan						Suboh	Terbit
26 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
28 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
1 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
3 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
4 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

26 Februari, 1969.

HANYA TINGGAL KENANGAN

MENDONG kesedehan ma- seh lagi kita rasakan dan terasa bagi kita akan kehilan- gan sa-suat yang berharga yang tidak dapat di-nilai de- ngan mata-benda. Fikiran kita merayap untuk menemui jasa bakti sa-orang pemimpin uga- ma yang ulong di-negeri ini dalam tahun2 yang silam yang hampir2 di-sepanjang hayat- nya telah di-tumpukan kapada perkembangan agama Islam yang di-rasmikan menjadi Agama Rasmi Negara dalam perlembagaan.

Kemangkatan Al-Marhum Yang Teramat Mulia Seri Pa- duka Duli Pengiran Di-Ga- dong Sahibol Mal Haji Mo- hammad Salleh ibni Al-Mar- hum Pengiran Anak Haji Mo- hamad, pada hari Sabtu, 22 Februari, 1969 itu telah menjadikan sa-bilangan besar raayat negeri ini, khas-nya yang beragama Islam dan le- beh2 lagi kapada kerabat2- nya dan orang2 yang rapat de- ngan-nya merasakan kepulan- gan-nya menyahut panggilan Tohan sa-bagai satu peristiwa yang menjadikan hati masing2 di-behani dengan paluan yang "menungku".

Raayat Brunei kehilangan sa-orang penasihat Agama yang mempunyai pandangan yang luas yang bijak dengan penelitian pertimbangan de- ngan sifat2-nya yang mesera yang penoh dengan kebajikan.

Dalam tahun 40-han sa-waktu beliau mula menjadi Kadhi Besar, nama beliau semakin di- kenal dan dalam waktu itu- lah penduduk2 Islam di-negeri ini mengenali beliau dengan le- beh dekat lagi sa-bagai sa-orang yang baik hati, peramah dan mesera.

Al-Marhum banyak sekali memberikan nasihat2 yang berguna kapada Umat Islam yang pernah menemui-nya su- paya tidak mengabaikan tu- gas masing2 sa-bagai sa-orang Islam yang di-redhai.

Al-Marhum mengambil pe- ranan juga dan memberikan pandangan2-nya yang amat berfaedah dalam soal peras- mian Agama Islam menurut kehendak perlembagaan negeri ini. Al-Marhum juga terke- nal sa-bagai sa-orang ahli ke- masharakatan yang memandang berat tentang kerja2 kebajikan.

Al-Marhum memegang ja- watan Kadhi Besar sejak tahun 1940 dan pada tahun 1956 te- lah menerima anugerah gelar- an Yang Amat Mulia Peng- iran Shahbandar Sahibul Ban- dar dan menjadi Penasihat Agama tahun2 berikut-nya dan pada 9 Mei 1968 telah me- nerima anugerah gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sa- hibol Mal.

Memandang kapada jusa2 Yang Teramat Mulia itu, maka negara telah kehilangan sa-orang ahli-nya yang mem- punyai pengalaman yang luas dan kebijaksanaan yang tinggi nilai-nya.

Atas kemangkatan itu, di- iringi dengan doa semoga Al- lah menempatkan roh-nya di- tempat orang2 yang beriman kapada-Nya Amin.



Jenazah Al-Marhum ketika di-naikkan ka-atas usongan sedang di-perhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.



Jenazah Al-Marhum di-usong dengan penoh hati2 menuju ka-tempat permakaman-nya. Dalam gambar ini kelihatan juga sinipit alat kebesaran Di-Raja sedang di-pegang oleh pegawai2 yang mengiringkan jenazah Al-Marhum itu.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair sa-waktu mengiring- kan perarakan jenazah Al-Marhum.



Beribu2 orang kelihatan penoh sesak mengiringi perarakan jenazah Al-Marhum Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal ketika hendak masuk ka-pintu besar tambatan Kastam Di-Raja Brunei untuk menaiki gegandung yang akan membawa jenazah Al-Marhum itu ka- Makam Di-Raja. Di-kiri dan kanan kelihatan barisan pasokan Pu- lis Di-Raja sambil memberikan Hormat Di-Raja yang terakhir.


GAMBAR2 DI-ISTIADAT MENGKEBUMIKAN AL-MARHUM Y. T. M. SERI PADUKA DULI PENGIRAN DI-GADONG SAHIBOL MAL

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba- ginda Sultan ketika memerhatikan jen- zah Al-Marhum di-naikkan ka-atas gegandung. Yang sedang menoleh di-be- lang Baginda itu ia-lah Pesuruhjaya Ting- gi British di-Brunei.

Dengan penoh hati2 di-sertai dengan se- lawat, jenazah Al-Marhum Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal di-turunkan dari gegandung yang kemudian-nya di-usong ka-tempat permakaman. Gegandung yang membawa jenazah itu tidak kel- ihatan kerana tidak dapat merapat ka- tambatan Makam Di-Raja di-sebabkan ayer chetek.



Gambar ini menunjukkan jenazah Al-Marhum Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal ketika di-makamkan sedang di-perhatikan oleh kerabat2 Al-Marhum termasuk Pemang- ku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof (yang memakai kacamata puteh)



Ini-lah kenaikan "gegandung" yang lengkap dengan perhiasan2- nya yang membawa jenazah Al-Marhum Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal ka-Makam Di-Raja untuk di-makamkan.



Yang Di-Mulia- kan Pehin Datu Seri Maharaja, Awang Haji Is- mail bin Omar Abdul Aziz se- dang membaca talqin dari doa selamat di-Istia- dat Memakam- kan jenazah Al- Marhum Duli Pengiran Di-Ga- dong Sahibol Mal.

Belia2 di-seru jangan abaikan peluang yang di-berikan

BATU MARANG. — Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyatakan bahawa kerajaan sentiasa memberi peluang kepada pergerakan belia2 dan kebajikan dalam negeri ini.

Beliau menengaskan bahawa peluang seperti ini janganlah di-abaikan2 kerana ia-nya ada-lah hak raayat di-negeri ini sendiri.

Awang Salleh telah berkata demikian ketika beliau merasmikan pembukaan mashuarat agong Persatuan Kebajikan Masyarakat Kampong Batu Marang yang di-langsungkan di-Sekolah Melayu Batu Marang minggu lepas.

Dalam ucapan-nya yang ringkas itu, Awang Salleh telah juga berasa kagum atas kegiatan2 yang telah di-jalankan oleh persatuan tersebut.

Beliau berharap supaya persatuan itu akan sentiasa chergas dan aktif lagi dalam kegiatan2-nya kepada matlamat2 tertentu.

Awang Salleh menasihatkan ahli2 persatuan itu supaya jangan menchampioni hal2 politik, kerana fahaman2 politik itu ada-lah keluar dari dasar persatuan tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa politik hanya-lah di-gunakan kepada badan2 politik sahaja dan bukan-nya kepada badan2 belia.

Awang Salleh telah juga menyeru persatuan2 belia di-negeri ini supaya mengadakan gelanggang silat bagi menimbulkan salah satu seni budaya di-negeri ini.

Akhir-nya beliau menyeru persatuan itu supaya menjauhi diri daripada anasir2 yang tidak di-ingini yang hanya akan memecah belahkan persatuan tersebut.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua persatuan tersebut, Pengiran Idris bin Pengiran Anak Metassan, dan Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad.

Awang Yaakub antara lain telah menyeru penduduk2 di-kawasan tersebut supaya men-



Awg. Salleh bin Hj. Masri

dirikan Sharikat Kerjasama dan station menjual minyak yang akan memberi kemudahan2 kepada penduduk2 di-kawasan tersebut.

Antara perkara2 yang telah di-bincangkan dalam mesuarat itu termasuklah rancangan2 pembinaan rumah persatuan tersebut dan kegiatan2 pada tahun ini.



Gambar atas kelihatan sa-orang ahli persatuan peladang dari Kampong Buau Ulu Belait sedang menhuba 'melakum' pokok ketika mereka mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Kilanas baru2 ini.

Lawatan peladang2 ka-pusat itu ia-lah bagi menamatkan kursus pertanian yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian di-Kampong mereka sa-lama sa-minggu.

Sa-masa lawatan mereka juga di-tunjukkan chara2 pertanian moden.

Mereka juga di-bawa melawat ka-pusat ternakan di-Jerudong dan Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell, Senaut.

\$17,800 di-kutip untuk Rumah Orang2 Tua

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait setakat ini telah mengutip sa-banyak \$17,800 sa-bagai sumbangan dari orang ramai di-seluruh negeri.

Jumlah ini ada-lah yang paling banyak pernah di-kutip oleh majlis itu untuk Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Wang itu ada-lah sumbangan pekedai2 dan pertubohan2 yang kebiasaannya menderma kepada tabong Rumah Orang2 Tua kerana menyambut hari Tahun Baru China.

Pada tahun lalu, sa-banyak \$14,133.00 telah di-kutip.

Wang tersebut akan di-gunakan bagi menyelenggarakan Rumah Orang2 Tua itu, yang hanya menerima bantuan dari kerajaan sa-banyak \$10,000 sa-tahun.

Sa-orang juruchakap Rumah Orang2 Tua berkata, perbelanjaan tahunan untuk menyelenggarakan rumah tersebut ada-lah di-anggarkan \$30,000 dan baki-nya itu di-kutip dari orang ramai.

Rumah Orang2 Tua sekarang ini mempunyai 60 orang penghuni yang kebanyakannya bangsa China.

Menjelang tahun baru China yang baru lalu, penghuni2 rumah tersebut telah di-raikan dengan hadiah2 pakaian dan rokok.

MAHKOTA BERDARAH DI-SERIA

BANDAR BRUNEI. — Seksi Kesenian dan Kebudayaan, Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan 'Malam Pementasan' dua buah drama purba masing2 berjudul 'Mahkota Berdarah dan Dewi Ratna.


Pementasan dua buah drama itu akan di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 28 Februari mulai jam 7.30 malam.

Tiket2 yang berharga \$2.00, \$1.50, \$1.00 dan 50 sen bo-

leh di-dapati dari Awang Metali bin Tahir, Pejabat Talikom, Kuala Belait; Awang Busu bin Ahmad, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait; Awang Yusof bin Haji Omarali, Kastam Diraja, Kuala Belait; dan Dayang Masnah bte. Awang Damit, Pejabat Tanah, Kuala Belait.

Malam Pementasan itu juga akan di-serikan dengan persembahan nyanyian dan lawak jenaka.

SI-TUYU



MANGAPA INDA KAIN GADONG PA?

ANDANG NYA KITANI PUN MUN MATI AKAN DIKAPANKAN DANGAN KAIN PUTEH

oleh:m.salleh ibrahim

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI

PENGHANTAR

SAMAN

BAILIP MAHKAMAH

PERMOHONAN2 adalah di-jemput daripada chalu2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah, di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait dan Bandar Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI dalam Sekolah Melayu dan Darjah IV dalam Sekolah Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut, tetapi telah berkhidmat tidak kurang daripada lima tahun di-dalam Perkhidmat Kerajaan sa-bagai Pelayan atau Posman akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200x10-270/EB/280x10-330.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

Sa-bagai

Pegawai

Pendaftar

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Pendaftar Negara di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4/C.2 — \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620/\$660x30 - 900.

Kelayakan2:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini sahaja di-kehendaki memohon:—

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Sekolah Inggeris.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman di-dalam perkhidmatan2 kerajaan sekurang-nya 5 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah sanggup bertugas di-mana2 daerah di-negeri ini.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

DI-JABATAN PERTANIAN

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pertanian, Brunei.

(a) PEMANDU TINGKAT KHAS (1 jawatan)

Kelayakan:

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang di-sebutkan di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen2 memandu kelas 3, 5 dan 11 dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman memandu sekurang2-nya sa-lama 10 tahun dan berkebolehan membaiki kerosakan2 kecil.

Pegawai2 yang berkhidmat yang berumur lebih dari 35 tahun akan juga di-pertimbangkan.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas siang atau malam jika di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.2 — \$240x10 - 270.

(b) PEMANDU TINGKAT II (8 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen2 memandu kelas 3, 5 atau 11 dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Pemohon2 baru mesti-lah berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas siang atau malam jika di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$200x5 - 220.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

SA-BAGAI KETUA JURUTEKNIK MAKMAL DI-BAHAGIAN HAIWAN

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Juruteknik Makmal di-Bahagian Haiwan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus A.M.I.L.T. atau kelulusan2 yang sa-imbang dengannya. Sekurang2-nya mempunyai pengalaman sa-lama 5 tahun dalam makmal saperti Bacteriology, Virology, Haematology, Chemopathology dan Parasitology.

Tugas:

Bertanggung-jawab kepada Pegawai Haiwan dalam mengendalikan makmal di-klinik Haiwan, Brunei dan menjalankan pemereksaan2 dalam makmal khusus-nya berhubung dengan penyakit2 binatang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — \$930 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang terpilih yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Bagi mereka yang terdiri dari raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lapas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sabanyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

SA-BAGAI PEGAWAI IMIGERESEN

PERMOHONAN2 adalah di-jemput daripada chalu2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei (5 kosong).

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhidmat di- Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga akan di-pertimbangkan.
- Chalu2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 25 tahun dan mereka yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam Negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210 x 10 - 270 x 15 - 360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai

Sa-bagai Pemandu

Motor Sangkut

Tingkat II

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di- Pejabat Daerah, Tutong. Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Darjah IV Sekolah Melayu dan mesti-lah berumur di-antara 18 dan 35 tahun.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sa-lama sekurang2-nya 3 tahun serta boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$180x5-220.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mach, 1969.

SA-BAGAI TUKANG KEBUN/PEMBERSEH

PERMOHONAN2 adalah di-jemput daripada raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Jabatan Muzium, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya akan bertugas memberseh kawasan luar Muzium dan menjaga tanaman2 bunga yang di-tanam di-sekitar bangunan Muzium. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang bekerja bergaji hari di-Jabatan Muzium.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1 EB 2 — \$160 x 5 - 175/EB/180 x 5 - 195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1969.

EJAJAN BARU: TIDAK ADA PERUBAHAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar menyatakan bahawa tidak ada perubahan dalam penggunaan ejaan bahasa Melayu di-negeri ini buat masa ini.

Beliau berkata, sa-jauh ini penggunaan ejaan bahasa Melayu sama ada di-sekolah2 mahu pun di-jabatan2 Kerajaan ada-lah berjalan dengan baik seperti biasa.

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menyatakan demikian ketika mengulas sa-buah berita yang tersiar dalam Berita Harian keluaran 11 Februari yang lalu.

Berita itu menyebut Menteri Pelajaran Malaysia, Enche Mohammad Khir Johari tentang penggunaan ejaan haru (MALINDO) antara Malaysia dan Indonesia.

Enche Khir menyatakan apabila sistem ejaan sama Malaysia dan Indonesia di-laksanakan di-ke-dua buah negara, Singapura dan Brunei juga akan mengikutinya.

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menyatakan, Brunei tidak tahu menahu tentang perundingan2 di-antara kedua2 buah negeri tersebut mengenai ejaan baru itu.

Tetapi walau bagaimana pun, jelas beliau, Brunei akan mengkaji dan menimbang dengan teliti apabila ejaan baru itu di-gunakan oleh kedua2 buah negeri itu, sama ada ejaan tersebut sesuai di-ikuti di-Brunei atau sa-balek-nya.

Di-samping itu, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menegaskan, sa-bagaimana yang terchatet dalam perlembagaan bahawa Bahasa Melayu ada-lah Bahasa Rasmi Negara.

“Dari itu penduduk2 negeri ini patut-lah mendukung maksud perlembagaan itu dengan mengamalkan pemakaian bahasa Melayu dalam semua lapangan pekerjaan sa-bagai satu daripada bukti yang menyatakan ta’at setia kita kepada Sultan dan Negara”, tegas beliau.

Akhir-nya beliau menyeru kepada orang ramai supaya menggunakan bahasa Melayu dalam semua lapangan terutama sekali dalam urusan pekerjaan di-jabatan2 kerajaan.

Hari Raya Haji

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan bahawa Hari Raya Haji pada tahun ini akan jatuh pada hari Jumaat 28 Februari ini.

Sembahyang Hari Raya Haji bagi seluruh masjid di-negeri ini akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.



Laksamana Muda D. O'Brien sedang di-perkenalkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Awang A.R. Adair ketika Laksamana Muda itu mengadap D.Y.M.A.M. di-Istana pada hari Sabtu.

Lawatan Kapal Penyapu Perioik Api British ka-Brunei

BANDAR BRUNEI — Kapal penyapu perioik api Angkatan Tentera Laut Di-Raja British, H.M.S. Houghton telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Brunei sa-lama tiga hari.

Kapal penyapu perioik api itu ada-lah di-bawah pemerintahan Commander J.R. Rogers.

Commander Rogers dengan di-temani oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Istana pada hari Sabtu.

Commander Rogers telah menghadihkan pelampong dan lambang kapal tersebut kepada Duli Yang Maha Mulia sa-bagai chenderamata atas lawatan kapal itu ka-Brunei.

Sa-masa berada di-sini, pegawai2 dan anak2 buah kapal tersebut telah mengadakan kunjongan ka-beberapa tempat

di-ibu kota termasuk juga lawatan ka-padang minyak di-Seria.

Di-samping itu mereka juga mengadakan perlawanan2 bola sepak dan hoki dengan pasokan tempatan.

Dalam perlawanan bola sepak yang telah berlangsung di-padang besar, Bandar Brunei, pasukan Askar Melayu Di-Raja telah mengalahkan pasukan tentera laut itu dengan dua gol berbalas satu.

Pasokan tentera laut itu telah seri dengan pasukan Polis Di-Raja Brunei dalam perlawanan hoki yang telah di-langsungkan di-padang Gadong pada hari Sabtu lepas.

Kapal tersebut telah di-buka kepada orang ramai sa-lama dua jam pada hari Ahad sa-belum ia-nya bertolak meninggalkan Brunei di-sebelah tengah hari.



Duli Yang Maha Mulia sedang menerima pelampong dan lambang kapal penyapu perioik api H.M.S. Houghton dari Commander Rogers ketika Commander itu mengadap ka-Istana. Di-kiri sekali sedang memerhati ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Awang A.R. Adair.

Pemerintah Tentera Laut melawat Brunei

BANDAR BRUNEI — Pemerintah Tentera Laut Timor Jauh, Laksamana Muda William D. O'Brien dan isterinya telah tiba di-Brunei pada hari Sabtu lepas kerana mengadakan lawatan tidak rasmi.

Laksamana O'Brien dan isterinya telah di-sambut di-lapangan terbang oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair dan isterinya.

Juga berada di-lapangan terbang untuk mengalu2kan ketibaan pelawat2 itu ia-lah Setia-usaha Pertama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird, Pemerintah Kapal Penyapu Perioik Api H.M.S. Houghton, Commander J.R. Rogers dan Awang Jaya bin Abdul Latif, Pegawai Perhubungan dari Perkhidmatan Pentadbiran Brunei.

Laksamana itu dengan di-temani oleh Awang A.R. Adair dan Commander Rogers telah mengadap kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Istana Darul Hana pada hari itu juga.

Terdahulu dari itu Laksamana O'Brien, Awang A.R. Adair dan Commander Rogers telah mengunjongi Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohd. Taib bin Awang Besar.

Laksamana O'Brien telah mengadakan lawatan ka-beberapa tempat di-negeri ini, termasuk lawatan ka-Muara untuk melihat Rancangan Pelabohan Ayer Dalam sa-belum meninggalkan Brunei pada hari Ahad.

Latehan Pertukangan B. S. P.

SERIA — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad menjemput permohonan dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat Duli Yang Maha Mulia untuk memasuki Rancangan Latehan Pertukangan dalam jurusan letrik dan mekanikal.

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 21 tahun dan lulus sa-kurang2-nya Form Tiga Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya untuk membolehkan mereka lulus ujian pemilihan yang di-reka untuk menentukan kebolehan mereka menerima latehan sa-chara teori dan praktikal.

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani latehan sa-lama sa-kurang2-nya tiga tahun mulai dari bulan Mei ini.

Sa-masa menjalani latehan, mereka akan menerima gaji sa-laras dengan tingkatan gaji pelateh2 sharikat itu.

Sa-telah menamatkan latehan mereka berkecayak bagi dinaikan pangkat sa-bagai ahli pertukangan Kelas Tiga.

Pemohonan bertulis yang mengandongi butir2 mengenai diri pemohon itu mesti-lah di-kirimkan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan, Sharikat Minyak Shell Brunei, Seria tidak lewat hari Sabtu 8 Mach ini.